

Headline	Konvensyen bantu kurang jurang ekonomi negara Islam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 May 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	4	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	107 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,869
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,607



Konvensyen bantu kurang jurang ekonomi negara Islam

KUALA LUMPUR: Konvensyen Pertubuhan Sekolah Perniagaan Negara Islam Sedunia (WaiBS) bukan saja menggalakkan rangkaian kerjasama positif antara sekolah perniagaan di negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), malah membantu mengurangkan jurang ekonomi antara negara Islam.

Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak, berkata sebanyak 22 negara Islam berada dalam kelompok rakyat berpendapatan rendah manakala 20 lagi berpendapatan sederhana rendah.

Katanya, tujuh negara Islam berada dalam kelompok rakyat berpendapatan tinggi dan lapan lagi berpendapatan sederhana tinggi.

“Sudah tiba masa konvensyen ini diadakan sebagai platform berkesan menggabungkan sekolah perniagaan negara Islam dalam membantu mengatasi isu dan masalah melanda negara untuk berkongsi, bertukar idea serta kepakaran membantu kemajuan ahlinya.

“Menerusi perbincangan serta jalinan kerjasama dalam konvensyen ini, sekolah perniagaan negara Islam sedunia akan menerima manfaat dari segi ekonomi serta per-

niagaan dan pengurusan.

“Ia termasuk berkongsi pengetahuan dan kepakaran dalam pelbagai sektor seperti perbankan Islam, hab halal, dan modul perniagaan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis prapelancongan WaiBS dan menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) UUM dan AMTECH Chemical Sdn Bhd, di Hotel Royal Chulan, di sini, semalam.

Konvensyen WaiBS akan diadakan pada 8 dan 9 Julai ini di Langkawi, dianjurkan Othman Yeop Graduate School of Business (OYAGSB) UUM.